

16 JANUARI 2023



PENDUDUK Orang Asli di Kampung Tual A, Pos Senderut hidup dalam ketakutan selepas gajah menceroboh kampung mereka.

### SUSULAN SERANGAN MAUT GAJAH

# Buat unggun api setiap malam

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@metro.com.my

#### Kuantan

**M**embuat unggun api setiap malam antara kaedah boleh dilakukan penduduk Orang Asli di beberapa kampung kecil di Pos Senderut dan Pos Betau, Lipis di sini, bagi menghalang gajah daripada masuk ke dalam kampung untuk mencari makan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang, Rozidan Md Yasin berkata, penduduk juga dinasihatkan tidak keluar waktu malam untuk ke kubu menunggu durian yang kini sedang gugur.

Menurutnya, gajah aktif pada waktu malam untuk mencari makan dan sekiranya terserempak dengan penduduk, haiwan berkenaan



Bagi mereka yang tetap ingin ke kubu untuk memungut hasil, mereka perlu pergi secara berkumpulan selain membuat tinjauan terlebih dahulu"

Rozidan Md Yasin

an boleh bertindak menyergap tanpa disangka.

Katanya, bagi mereka yang tetap ingin ke kubu untuk memungut hasil, mereka perlu pergi secara berkumpulan selain membuat tinjauan terlebih dahulu dalam kawasan dan sekitarinya.

"Sekiranya terserempak dengan gajah mereka perlu segera lari dan bersembunyi di belakang batu atau pokok

besar, jangan membuat bising serta bunyan selain cuba mengambil gambar termasuk menghalau kerana cara itu dapat menarik perhatian haiwan berkenaan.

"Saya juga berharap penduduk dapat segera melapor kepada Perhilitan atau tok batin sekiranya mengetahui kehadiran gajah di kampung mereka," katanya, dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas berikutnya kejadian seekor gajah jantan menyergap hingga menyebabkan kematiian remaja Orang Asli, Andy Yok Manin, 15 di Kampung Tual B, Pos Senderut, Isnin lalu.

Kumpulan gajah berkenaan dipercayai turut menyergap dengan memjak hingga 20 kilometer setiap hari, bergantung kepada jejak yang ditinggalkan haiwan berkenaan," katanya yang berharap penduduk bersabar.

Rozidan berkata, pihaknya kini giat berusaha untuk menangkap dan memindahkan haiwan berkenaan secepat mungkin namun sehingga kini usaha menjelaknya masih lagi gagal dilakukan.

"Usaha menjelak gajah berkenaan yang bergerak sendirian akan dilakukan sehingga Khamis depan dengan menumpukan di beberapa tempat di Pos Senderut dan kawasan berhampiran.

"Penjejak akan dibuat setiap hari berdasarkan kesan terbaru yang ditemui dan kumpulan peninjau dan maklumat daripada penduduk.

"Jarak penjejak dianggarkan antara io hingga 20 kilometer setiap hari, bergantung kepada jejak yang ditinggalkan haiwan berkenaan," katanya yang berharap penduduk bersabar.